

SIARAN MEDIA

KEMPEN BONANZA BEG KUNING BANK RAKYAT TAWAR REBAT DAN GANJARAN ISTIMEWA UNTUK PEMEGANG KAD KREDIT-I

KUALA LUMPUR, 15 JUN 2026 – Bank Rakyat hari ini melancarkan **Kempen Bonanza Beg Kuning** yang menawarkan rebat dan ganjaran istimewa khas untuk pelanggan yang berbelanja di TikTok Shop menggunakan Kad Kredit-i Bank Rakyat.

Berlangsung sehingga 31 Ogos 2026, **Kempen Bonanza Beg Kuning** ini memberi peluang kepada pelanggan untuk menikmati pengalaman beli-belah yang lebih menguntungkan menerusi kemudahan pembayaran dalam talian yang mudah, cepat dan selamat. Menerusi kempen ini, pelanggan hanya perlu menggunakan Kad Kredit-i Bank Rakyat sebagai kaedah pembayaran di TikTok Shop untuk menikmati pelbagai rebat dan ganjaran menarik:

Rebat 5% Sepanjang Tempoh Kempen

Pelanggan akan menikmati rebat 5% bagi setiap transaksi yang dibuat menggunakan Kad Kredit-i Bank Rakyat di TikTok Shop sepanjang tempoh kempen, tertakluk pada peruntukan rebat keseluruhan sebanyak RM100,000.

Rebat Tambahan 2% Sempena Jualan Tarikh Berganda

Bagi mereka yang gemar mendapatkan tawaran menarik semasa kempen jualan tarikh berganda, Bank Rakyat turut menawarkan rebat tambahan sebanyak 2% bagi transaksi yang dilakukan sepanjang kempen 7.7 dan 8.8. Tawaran ini membolehkan pelanggan menikmati lebih penjimatan bagi setiap pembelian, tertakluk pada peruntukan rebat sehingga RM30,000 bagi setiap kempen tarikh berganda.

e-baucar Kad Kredit RM40 untuk 1,000 Pelanggan Terawal

Sebagai ganjaran tambahan, 1,000 pelanggan pertama yang mendaftarkan Kad Kredit-i Bank Rakyat mereka dalam talian (Card-on-File) untuk pembayaran secara automatik (recurring) di TikTok Shop turut akan menerima e-baucar bernilai RM40.

“Bagi mereka yang masih belum memiliki Kad Kredit-i Bank Rakyat, inilah masa terbaik untuk memohon. Selain menikmati rebat dan ganjaran menarik menerusi Kempen Bonanza Beg Kuning, pemegang kad turut berpeluang mengumpul mata ganjaran Rakyat Rewards yang boleh ditebus, menikmati perlindungan Takaful, kemudahan pelan ansuran fleksibel serta pelbagai promosi eksklusif yang direka untuk memenuhi keperluan gaya hidup masa kini.

Selari dengan aspirasi #UntukSemua yang menekankan komitmen Bank Rakyat dalam menyediakan produk dan perkhidmatan kewangan yang inklusif serta relevan kepada seluruh rakyat Malaysia, kempen ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Bank Rakyat untuk memperluaskan penggunaan pembayaran tanpa tunai, sekali gus menjadikan platform e-dagang sebagai pilihan utama untuk membeli-belah.

Bank Rakyat juga akan memperluaskan kerjasama dengan lebih banyak platform beli-belah dalam talian pada masa hadapan bagi membolehkan lebih ramai pelanggan menikmati ganjaran eksklusif dan pengalaman pembayaran digital merentasi pelbagai platform e-dagang,” tambah Bank Rakyat.

Permohonan Kad Kredit-i Bank Rakyat boleh dibuat dengan mudah melalui mana-mana cawangan Bank Rakyat di seluruh negara, laman sesawang rasmi www.bankrakyat.com.my atau platform permohonan digital Bank Rakyat Quick (BRICK). Untuk maklumat lanjut, pelanggan boleh mengunjungi cawangan Bank Rakyat berhampiran atau menghubungi Pusat Kad Bank Rakyat di talian 03-2693 6880 atau Pusat Panggilan di 1-300-80-5454.

-TAMAT-